

11/04/1998

Kadar pinjaman kereta naik

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan bersetuju menaikkan kadar pinjaman bagi pembelian kenderaan berharga RM40,000 ke bawah sehingga 85 peratus, berbanding 70 peratus sekarang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, keputusan itu dicapai pada mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) petang ini selepas menimbang rayuan pengusaha industri automobil menerusi satu memorandum kepada majlis itu.

Ini bermakna bayaran pendahuluan bagi pembelian kereta berharga RM40,000 ke bawah dikurangkan daripada 30 peratus kepada 15 peratus saja.

Langkah itu juga bertujuan membantu industri automobil tempatan yang menghadapi masalah akibat kegawatan ekonomi negara.

Bagaimanapun, katanya, bank dan institusi kewangan tempatan hanya dibenar menggunakan dana pinjaman berjumlah RM15 bilion yang diperuntukkan kepada sektor automobil tahun ini.

"Mesyuarat MTEN yang turut disertai semua menteri besar, termasuk Menteri Besar Kelantan adalah bagi membincangkan enam kertas kerja, termasuk industri automobil dan langkah mengatasi masalah ekonomi.

"Majlis Tertinggi (MT) malam ini juga turut membincangkan langkah yang boleh dimainkan oleh kerajaan negeri kerana kebanyakan menteri besar adalah ahli MT," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, malam ini.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi MTEN berkata, majlis itu mengadakan dua mesyuarat hari ini dengan yang pertama pada sebelah pagi membabitkan jawatankuasa eksekutifnya, manakala pada sebelah petang pula mesyuarat penuh Majlis MTEN.

Ketika ditanya mengenai hasil mesyuarat pada sebelah pagi, beliau berkata: "Kita menjelaskan masalah berkenaan dengan industri automobil ini, apa yang harus dibuat oleh kerajaan dan kita dapati banyak lagi yang perlu dibuat untuk memulihkan semula ekonomi kita."

Mengenai industri pembinaan, Dr Mahathir berkata MTEN mengarahkan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) supaya mengkategorikan terlebih dulu projek perumahan yang layak dibeli rakyat asing sebelum ia dijual kepada mereka.

Ini bermakna orang asing yang ingin membeli rumah jenis ini tidak perlu lagi mendapatkan kebenaran FIC, kerana kelulusan sudah diberikan kepada pemaju projek terlebih dulu.

Menurutnya, MTEN juga bersetuju membenarkan bank dan institusi kewangan memberi pinjaman bagi pembelian rumah berharga RM150,000 ke bawah bagi projek yang sedang dilaksanakan atau yang sudah siap.

Selain itu, Perdana Menteri berkata setiap kerajaan negeri sudah bersetuju meluluskan dengan segera projek pertanian dan pengeluaran makanan.

"Semua menteri besar turut menyatakan persetujuan untuk menyegerakan kelulusan projek perikanan di semua kolam bagi meningkatkan pengeluaran makanan di negara ini," katanya.

(END)